

MPOC perjuang minyak sawit mampan

IPOSC platform terbaik menangkis segala tuduhan negatif yang melanda industri

Oleh Razita Abdul Razak

KOTA KINABALU: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Datuk Peter Chin Fah Kui merasmikan Persidangan Minyak Sawit Mampan Antarabangsa (International Palm Oil Sustainability Conference 2008 - IPOSC 2008) di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah pada 14 April lalu.

Acara yang berlangsung selama dua hari itu dianjurkan oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) pada 14 dan 15 April lalu.

Bersempena dengan persidangan itu, satu pameran turut diadakan dan disertai 23 syarikat yang mengenengahkan amalan perladangan mampan dan juga produk hasil dari amalan mampan yang dilaksanakan.

Pada masa sama, IPOSC 2008 berjaya menarik seramai 575 orang peserta dari dalam dan luar negara, iaitu dari United Kingdom, Australia, India, Jerman, Sepanyol, Jepun, China, Amerika Syarikat, Indonesia dan Singapura.

Antara topik yang dibentangkan ialah penilaian kemapuan dan kitaran hidup di dalam industri minyak sawit; kemapuan, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan pensijilan; minyak sawit dan kawasan tanah paya (wetlands); pemuliharaan hidupan liar dan penjagaan alam sekitar; dan keseimbangan karbon.

Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, IPOSC menjadi satu platform yang amat baik untuk industri minyak sawit Malaysia untuk melemparkan dan menangkis segala tu-



duhan dan sangkaan negatif yang melanda industri selama ini.

"Seterusnya aspek kemapuan minyak sawit berbanding minyak bijian dan komoditi lain yang terdapat di seluruh dunia haruslah juga ditekankan," katanya.

Pada majlis yang sama, Dana Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Wildlife Conservation Fund - MPOWCF), dana berpusing dengan jumlah sebanyak RM20 juta yang ditubuhkan oleh kerajaan dan juga syarikat perladangan minyak sawit dilancarkan dengan rasminya.

Dana itu akan disalurkan kepada usaha dan inisiatif pemuliharaan hidupan liar dan alam sekitar.

Sehubungan dengan pelancaran Dana Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia, majlis itu juga menyaksikan upacara menandatangani memorandum antara MPOC, Bursa Malaysia, dan Borneo Conservation Trust untuk melancarkan projek kaji selidik populasi Orang Utan di Sabah dan seterusnya merancang untuk memastikan populasi Orang Utan itu



DATUK Peter Chin melihat gimik selepas melancarkan IPOSC 2008. Turut kelihatan (dari kanan) Ketua Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron, KSU KPPK, Datu' Dr Michael Dosim Lunjew, Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah, Pengerusi MPOC, Dato' Seri Lee Oi Hian, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator A Kohilan Pillay dan Pengerusi Borneo Conservation Trust, Tan Sri Richard Lind.

tidak terancam.

Datuk Peter Chin berkata, ini mengukuhkan lagi mesej bahawa industri sawit amat memandang serius terhadap pemuliharaan alam semula jadi.

Ia juga salah satu daripada usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan penjagaan alam sekitar yang ditekankan oleh industri minyak sawit Malaysia.

"Seterusnya dana itu akan digunakan untuk projek pemuliharaan pada masa akan datang," katanya.

IPOSC menekankan inisiatif dan usaha industri minyak sawit Ma-

laysia dalam menghasilkan minyak sawit secara mampan.

Persidangan itu juga satu cara untuk pihak industri bertindak balas terhadap segala tohmahan mengenai industri sawit Malaysia yang tidak mesra alam dan tidak mampan yang telah di lemparkan sebelum ini.

Malaysia kini adalah pengeksport terbesar dan pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia.

Penghasilan minyak sawit mentah (CPO) negara pada 2007 ialah 15.82 juta tan berbanding 15.88 juta tan pada 2006. Jumlah pendapatan negara dari hasil eksport minyak sawit dan hasil sawit pada tahun

2007 ialah RM 45.17. Ini menjadikannya sebagai salah satu penggerak utama ekonomi Malaysia.

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) sebuah badan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang ditubuhkan pada 25 Januari 1990. Peranan MPOC ialah untuk menggalakkan pasaran minyak sawit dan produk sawit Malaysia serta meningkatkan imej minyak sawit serta penerimaan orang ramai terhadap sawit melalui kepelbagaian kelebihan teknoekonomi minyak sawit serta kelestarian tanamannya. - raziata@mpoc.org.my

MPOWCF tingkat imej minyak sawit di pasaran dunia

Oleh Razita Abdul Razak

KELANA JAYA: Penubuhan Dana Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia (MPOWCF) adalah langkah Kerajaan untuk meningkatkan imej minyak sawit di pasaran dunia dan membuktikan pengeluaran minyak sawit dilaksanakan secara mampan.

Publisiti dan tohmahan negatif yang bertujuan memboikot minyak sawit dilakukan oleh NGO Barat melalui kempen anti komoditi itu terutama di Negara Eropah telah menjejaskan permintaan dan imej minyak sawit di pasaran dunia.

Ketua Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron, berkata NGO dari Barat itu menuduh tanaman sawit tidak dilaksanakan secara mampan dan telah mengakibatkan kemusnahan alam sekitar dan habitat hidupan liar terutama Orang Utan.

"Cadangan penubuhan MPOWCF dibuat oleh MPOC pada 2006 semasa industri minyak sawit Malaysia menghadapi tentangan



TAN Sri Dr Yusof Basiron bertukar dokumen dengan Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah selepas upacara menandatangani memorandum antara MPOC dan Bursa Malaysia untuk projek kaji selidik populasi Orang Utan di Sabah.

hebat melalui kempen anti minyak sawit oleh NGO Barat.

"Dana pusingan ini dilancarkan dengan jumlah permulaan sebanyak RM20 juta, yang mana RM10 juta adalah geran dari kerajaan sementara RM10 juta lagi adalah sumbangan dari industri minyak sawit," katanya.

Dana itu diuruskan oleh MPOC

yang juga bertanggungjawab ke atas pengurusan kesemua projek pemuliharaan yang dibiayai oleh MPOWCF.

Tan Sri Dr Yusof berkata, Objektif penubuhan MPOWCF adalah bagi memulih dan menonjolkan imej bersih minyak sawit Malaysia dengan jaminan bahawa penanaman sawit tidak memusnahkan kawasan hutan dan menyebabkan ke-

pupusan habitat dan hidupan liar.

"Pelaksanaan objektif akan dijalankan melalui program penyelidikan dan pemuliharaan oleh pakar akademik, agensi kerajaan dan NGO yang terabit," katanya.

Selain itu MPOWCF juga akan membiayai kajian terhadap hidupan liar, bio kepelbagaian, pemuliharaan alam semula jadi disamping mengambil kira impak keseluruhan parameter tersebut terhadap industri minyak sawit.

"Data yang diperoleh hasil kaji selidik projek tersebut akan digunakan untuk meyakinkan pengguna dan pihak NGO terabit bahawa Malaysia menghasilkan minyak sawit secara mampan yang memberi impak amat minimum ke atas alam sekitar," katanya.

Pada masa yang sama syarikat perladangan sawit juga disaran supaya mengamalkan kod amalan (Code of practice) yang dibangunkan khas bagi memastikan pengeluaran minyak sawit mampan yang peka ke atas perlindungan dan pemuliharaan hidupan liar dan biodiversiti.

Tan Sri Dr Yusof berkata, "Per-

mohonan untuk pembiayaan projek adalah terbuka kepada universiti, pusat pengajian tinggi, institut penyelidikan, agensi kerajaan dan NGO atau pencinta alam sekitar.

"Projek yang dibiayai oleh dana ini termasuklah kajian ke atas keberkesanan kaedah biodiversiti dan pemuliharaan hidupan liar serta impaknya terhadap penanaman sawit dan aktiviti pemuliharaan hidupan liar dan biodiversiti."

Melalui projek ini kita berharap orang ramai terutama pihak penguurusan dan pekerja ladang menyedari manfaat aktiviti pemuliharaan ini satu amalan penting dalam menghasilkan minyak sawit mampan.

Tan Sri Dr Yusof berkata, "MPOWCF hingga kini telah bersejua untuk membiayai projek 'Jungle Patrol' secara usaha sama dengan Jabatan Perhutanan Sabah untuk melindungi hidupan liar di kawasan hutan simpan yang bersempadan dengan ladang sawit dan kajian pemuliharaan biodiversiti oleh Universiti Malaysia Sabah ke atas tasik ladang di ladang sawit." - raziata@mpoc.org.my